



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

E-BULETIN ILKEM

EDISI 1/2022



PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Alhamdulillah segala puji bagi Allah, Tuhan yang Maha Esa dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita kini sudah berada dalam tahun 2022. Saya mewakili Pengurusan Tertinggi Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada seluruh warga kerja ILKEM atas segala usaha, kerja keras dan komitmen dalam menjayakan segala tugas yang diamanahkan pada tahun 2021.

Sepanjang tahun 2021, ILKEM telah melaksanakan pelbagai jenis program dan aktiviti seperti yang dirancang. InsyaAllah, pada tahun 2022 ini kita akan menyasarkan program mengikut takwim tahunan 2022. Semoga pencapaian dalam tahun 2021 menjadi suatu azam dan inspirasi yang kuat untuk kita terus bekerja keras ke arah mencapai visi dan misi ILKEM pada tahun ini.

Pihak ILKEM telah merancang dan menyusun program serta aktiviti bagi memastikan usaha-usaha dalam mengurangkan pelanggaran keselamatan dipertingkatkan dan sentiasa menepati keperluan penjawat awam serta masyarakat. Disamping itu juga, ILKEM berusaha memastikan latihan dalam keselamatan perlindungan yang berkualiti dan terkini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan dalam sektor awam dan swasta yang berkaitan.

Segala aturan dan dasar yang dirangka ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan padu daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) yang sentiasa menyokong ILKEM dalam mencapai perkhidmatan yang cemerlang.

ILKEM berusaha untuk memastikan segala ilmu dan maklumat yang disampaikan kepada seluruh penjawat awam dan masyarakat adalah sahih. Selain itu, dengan penuh harapan agar perkhidmatan ILKEM sebagai sumber utama untuk dirujuk dalam pendidikan dan latihan keselamatan perlindungan dapat dimanfaatkan dengan baik sehingga dapat melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi.

Akhir kata, saya percaya kedatangan tahun 2022 pasti akan membawa kita mendepani pelbagai cabaran baharu yang berkemungkinan jauh lebih getir dan complicated. Namun, saya berkeyakinan penuh bahawa segalanya akan berjalan dengan lancar melalui kerjasama padu daripada semua pihak yang akan dapat memperolehi keberkatan dan kecemerlangan dalam semua bidang tugas masing-masing.

**Encik Ahmad Shaharuddin bin Muhammad
Pengarah ILKEM
CGSO**



**SIDANG REDAKSI
E-Buletin ILKEM Bil.1/2022**

PENAUNG
YBhg. Tuan Rahimi bin Ismail

PENASIHAT
YBrs. Puan Julaila binti Engan

KETUA PENGARANG
Encik Ahmad Shaharuddin
bin Muhammad

PEGAWAI PENYELARAS
Encik Shamsir bin Salleh
Puan Harafeah binti Harun

PEREKAA GRAFIK
Encik Yuhazan bin Yunus
Encik Muhammad Fikri
bin Ramlan

PERKONGSIAN ILMU

Pendidikan, latihan dan kesedaran keselamatan boleh didefinisikan sebagai program pendidikan yang direncanakan untuk mengurangkan bilangan pelanggaran keselamatan yang berlaku akibat kurangnya kesedaran di kalangan penjawat awam. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri selaku agensi yang bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat keselamatan perlindungan kepada semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan sentiasa menekankan kepentingan untuk melindungi aset dan maklumat rahsia rasmi kerajaan daripada sebarang bentuk ancaman keselamatan. Setiap penjawat awam perlu mengutamakan pendidikan, latihan dan kesedaran keselamatan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk sama-sama bertanggungjawab melaksana dan menguatkuasakan langkah-langkah yang ditetapkan dengan berkesan.

Ketua Jabatan seharusnya memastikan setiap penjawat awam di bawah kawalannya mematuhi setiap peruntukan undang-undang, peraturan dan arahan keselamatan secara berterusan dalam menepati langkah-langkah melindungi aset dan maklumat rahsia rasmi kerajaan daripada ancaman dalam dan luaran selari dengan perkembangan teknologi semasa. Namun begitu, teknologi dengan sendiri tidak berupaya menyelesaikan pelanggaran keselamatan yang dikawal oleh individu. Pelanggaran keselamatan berpunca daripada kelemahan manusia. Penjawat awam sebagai end-user mempunyai lebih ekses kepada kebanyakan aset atau maklumat rahsia rasmi kerajaan, sama ada mempunyai pengetahuan atau kekurangan pengetahuan yang diperlukan untuk memberikan perlindungan ke atasnya mengikut sistem kawalan keselamatan yang ditetapkan.

Justeru, elemen pendidikan, latihan dan kesedaran keselamatan amat penting kerana seseorang penjawat awam yang mempunyai pendidikan, latihan dan kesedaran keselamatan yang lebih akan berupaya membuat keputusan yang lebih baik dalam pengurusan keselamatan dan diri sendiri. Tujuan pendidikan, latihan dan kesedaran keselamatan ini akan meletakkan dalam minda setiap penjawat awam untuk sama-sama bertanggungjawab mengukuhkan sistem pertahanan dan perlindungan ke atas aset dan maklumat rahsia rasmi kerajaan daripada sebarang ancaman dalam dan luaran.

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) , Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia yang telah beroperasi sejak Oktober 2011 akan memfokuskan dan mengerakkan program pendidikan, latihan dan kesedaran keselamatan untuk mengurangkan pelanggaran keselamatan dalam organisasi kerajaan.

Kegagalan dalam mematuhi mana-mana langkah keselamatan yang ditetapkan dan jika tidak dipantau serta diatasi boleh mengakibatkan kegagalan sistem keselamatan secara keseluruhannya. Sesebuah perkhidmatan awam yang selamat, cekap, berkesan, inovatif dan responsif mampu bergerak pantas dan dapat menyokong usaha kerajaan dalam menjamin keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN”**

E-BULETIN ILKEM BIL 1/2022

LAWATAN KE DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA PADA 19 JANUARI 2022

Lawatan ini dihadiri oleh Tuan Pengarah ILKEM (Tuan Ahmad Shaharuddin bin Muhammad) Unit Penyelidikan dan Pembangunan (Encik Shamsir bin Md. Salleh dan Puan Harafeah binti Harun). Perbincangan turut diadakan bersama-sama Ketua Bahagian Komunikasi Korporat (Encik Sharrul Rizal bin Hashim) yang bertujuan untuk menimba ilmu dalam mewujudkan jurnal ILKEM pada tahun 2022.



KURSUS PEMAHAMAN MANUAL PENJELASAN LANJUT ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)

Kursus anjuran Program Asas dan Kemahiran Pegawai dijalankan pada 19 & 20 Januari 2022 di Bilik Toturial 6, Blok Akademik, ILKEM dan telah dihadiri oleh 19 orang peserta terdiri daripada Gred KP41-KP29. Penceramah terdiri dari Pegawai-pegawai CGSO.



LAWATAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) PADA 19 JANUARI 2022

Lawatan ini dihadiri oleh Tuan Pengarah ILKEM (Tuan Ahmad Shaharuddin bin Muhammad) Ketua Pendaftar (Puan Salmah binti Shahidan) dan Timbalan Pendaftar (Puan Nur Aimi Hanisah binti Abas).



MAJLIS BACAAN YASIN INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA PADA 21 JANUARI 2022

Majlis ini dihadiri oleh pegawai-pegawai, kakitangan Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia serta pekerja-pekerja pembersihan dan anggota RELA.



MAJLIS IKRAR DAN AMANAT PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM) TAHUN 2022

Majlis ini dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) pada 25 Januari 2022



MAJLIS DIALOG WARGA KESELAMATAN JABATAN PERDANA MENTERI BERSAMA KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN, PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)

Majlis Dialog Warga Keselamatan Jabatan Perdana Menteri Bersama Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan telah diadakan pada 10 Februari 2022 di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Di dalam program tersebut YBhg. Tuan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan turut melaksanakan penyampaian Pangkat Polis Bantuan, Jabatan Perdana Menteri.



KURSUS ASAS KEBAKARAN

Kursus ini telah dijalankan pada 14 hingga 16 Februari 2022 dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan di Bilik Toturial 6, Blok Akademik, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) dan telah dihadiri oleh 19 orang peserta terdiri daripada Gred KP41-KP19.



PROGRAM EXECUTIVE TALK “INTEGRITI DALAM MENJAGA KERAHSIAAN KERAJAAN”

Program ini disampaikan oleh Ybhg. CP Dato' Ayob Khan Bin Mydin Pitchay (Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik) Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pada 17 Februari 2022 bertempat di Auditorium Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Blok Akademik.



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 DI JPM DAN PELBAGAI JABATAN

Peperiksaan ini diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia Bandar Enstek pada 22 Februari 2022 (Selasa) yang dihadiri seramai 29 orang calon.



LAWATAN PENANDAARASAN ILKEM KE INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA (NIOSH)

Lawatan diketuai oleh Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) iaitu Tuan Ahmad Shaharuddin bin Muhammad serta pegawai dan kakitangan pada 24 Februari 2022.



LAWATAN UNIT KHIDMAT NASIHAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA KE PUSAT SUMBER ILKEM

Lawatan diketuai oleh Pendaftar iaitu Puan Salmah binti Shahidan dan beberapa orang pegawai dan kakitangan pada 22 Februari 2022.



PROSES PEMINDAHAN TILAM DARI MAEPS (NADMA) BAGI KELENGKAPAN ASRAMA ILKEM PADA 25 FEBRUARI 2022

Kelengkapan ini digunakan sementara bagi asrama lelaki dan asrama perempuan untuk Kursus Asas Keselamatan Siri 1/2022



PERHIMPUNAN BULANAN DAN MAJLIS AMANAT YBRS. TUAN RAHIMI BIN ISMAIL (KETUA PENGARAH CGSO)

Perhimpunan ini diadakan di ILKEM pada 7 Mac 2022. Di dalam perhimpunan bulanan ini juga turut diadakan sesi Pelancaran Buku Pelan Anti Rasuah CGSO 2022-2025 yang telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail.



MAJLIS PRAPELANCARAN 23rd CONFERENCE AND EXHIBITION OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (COSH 2022) SERTA MAJLIS PENANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO) DAN INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NIOSH

Satu majlis penandatanganan MOU telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia (Sektor Operasi) dan YBrs. Tuan Haji Ayop binti Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH diadakan pada 15 Mac 2022 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Majlis ini turut disaksikan YB. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah NIOSH dan Pengarah-pengarah Bahagian CGSO serta pegawai-pegawai kanan NIOSH.

